

Azhar Mansor iringi Dr. M bercuti ke Antartika

UM - 4 FEB 2002

KUALA LUMPUR 3 Feb. — Pelayar negara yang mengelilingi dunia sejauh 20,000 batu nautika selama 190 hari, Datuk Azhar Mansor akan mengiringi percutian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke benua Antartika di Lautan Selatan, mulai Selasa ini.

Azhar, 44, yang merupakan anak Malaysia pertama sampai di kawasan itu dengan Jalur Gemilang akan belayar dengan sebuah kapal ekspedisi bersama-sama Dr. Mahathir ke 'benua putih' tersebut dari Ushuaia, sebuah bandar paling selatan di dunia, di Argentina.

Pelayar itu berlepas ke London malam tadi sebelum menyertai rombongan Dr. Mahathir di Buenos Aires, Selasa ini.

Dr. Mahathir kini berada di New York kerana menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF).

Pelayaran

Menurut sumber, dari Buenos Aires rombongan Dr. Mahathir akan terbang ke Ushuaia dan belayar ke Antartika.

Dalam pelayaran itu, kapal tersebut akan melalui Pulau Half Moon, Hanna Point sebelum sampai ke Semenanjung Antartika pada hari Sabtu (9 Februari).

Di situ Dr. Mahathir akan melawat beberapa buah pusat penyelidikan saintifik di Lemaire, Plenneau, Verr, Nadskiy (pangkalan penyelidikan saintifik) dan Lockroy (pangkalan lama penyelidikan).

■ Lihat muka 4

Azhar Mansor iringi Dr. M bercuti ke Antartika

UM - 4 FEB 2002

Rombongan itu akan bertolak pulang dari semenanjung itu pada hari Isnin (11 Februari) dan sampai ke Ushuaia hari Rabu.

"Ini merupakan kali pertama Azhar mengikut rombongan Perdana Menteri ke luar negara dan yang signifikannya lawatan ini amat bermakna kerana Azhar merupakan orang pertama negara sampai ke kawasan tersebut dengan pelayaran-

nya," kata sumber itu ke- pada *Utusan* hari ini.

Azhar memulakan pelayaran bersejarahnya dengan kapal Jalur Gemilangnya pada 2 Februari 1999 apabila Dr. Mahathir sendiri melancarkan pelayaran solo itu di Awana Porto Malai Resort, Langkawi.

Pada 28 Mac 1999, Azhar menyambut Hari Raya Haji di Lautan Selatan dan pada 18 April beliau

melempi Tanjung Horn melalui Amerika Selatan.

Dengan kejayaan itu *Malaysia Book of Records (MBR)* mengiktiraf beliau sebagai rakyat Malaysia yang pertama membuat pelayaran solo tanpa henti dari Pulau Langkawi ke Tanjung Horn.

Huraian ekspedisi Antartika boleh dilayari di www.quarkexpeditions.com